

Peguam bangkit alasan tahan enam ahli PSM kerana Bersih
The Malaysian Insider
July 22, 2011
Oleh Boo Su-Lyn

KUALA LUMPUR, 22 Julai — Enam pemimpin Parti Sosialis Malaysia (PSM) mempersoalkan alasan mereka ditahan di bawah Ordinan Darurat sedangkan perhimpunan Bersih 2.0 sudah berlalu, demikian menurut peguam mereka di Mahkamah Tinggi hari ini.



Peguam PSM Sulaiman Abdullah menekankan bahawa keenam-enam mereka termasuk Ahli Parlimen Sungai Siput Dr Michael Jeyakumar Devaraj (**gambar**) ditahan semula pada 2 Julai atas alasan sebagai pihak utama menggerakkan perhimpunan 9 Julai.

“Bagaimana anda boleh menjustifikasikan tahanan selepas 9 Julai?” kata Sulaiman hari ini.

“Tiada mana-mana affidavit menekankan poin ini,” kata bekas presiden Majlis Peguam ini.

Keenam-enam mereka ditahan dua minggu sebelum perhimpunan Bersih 2.0.

Mereka turut didakwa ditahan reman kerana cuba melancarkan perang ke atas Yang di-Pertuan Agong dan kemudian ditahan di bawah Ordinan Darurat sehingga kini.

Ordinan Darurat digubal pada 1969 sebagai pendekatan sementara untuk respons kepada rusuhan 13 Mei, yang membolehkan penahanan tanpa bicara.

Hakim Datuk Su Geok Yiam menengguhkan prosiding sehingga 5 Ogos bagi membolehkan permohonan habeas corpus, bagi membolehkan kerajaan ada masa untuk memberikan respons kepada 15 affidavit tambahan.

Kedengaran dari galeri mengatakan “mahkamah kanggaru” sebaik sahaja Su memutuskan demikian.

Keputusan itu dibuat meskipun Sulaiman bersetuju agar affidavit berkenaan ditarik balik agar pendengaran boleh diteruskan hari ini.

Peguam kanan itu berhujah bahawa kerajaan yang harus dipersalahkan atas affidavit tambahan yang difailkan.

Katanya, polis hanya membenarkan enam akses perundangan selepas permohonan habeas corpus difailkan pada 6 Julai lalu.

"Saya mengatakan bahawa jika anda mengikut undang-undang, pemohon boleh menemui peguam-peguam masing-masing terus dan affidavit boleh dipanjangkan... mereka (polis) sendiri melewati seksyen imperatif (Seksyen 28 Kanun Acara Jenayah)," kata Sulaiman.

Peguam Persekutuan Kanan Othman Yusof menjawab bahawa akses guaman bukan hak bagi mereka yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan.

Selain, Dr Jeyakumar, 56, lima yang lain ialah setiausaha bahagian Sungai Siput, A.P Letchumanan, 49, ahli jawatankuasa pusat, Choo Chon Kai, 33, M. Sukumaran, 50, timbalan pengerusi PSM, M. Sarasvathy, 58, and pemimpin pemuda, R. Sarat Babu, 25.

Mengikut Seksyen 3 (1) Ordinan Darurat, polis boleh menahan suspek sehingga 60 hari tanpa perbicaraan.

Copyright © 2011 The Malaysian Insider.

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/peguam-bangkit-alasan-tahan-enam-ahli-psm-kerana-bersih/>